



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 10 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	220 AHLI PPK JOHOR TERJEJAS TERIMA SUMBANGAN DARIPADA MAFI, ONLINE, UTUSAN BORNEO MISI MAFI PRIHATIN BANTU AHLI PELADANG DI JOHOR, NASIONAL, SH -14 KERAJAAN BANTU 1,461 PETANI TERJEJAS BENCANA, KOMUNITI KITA, KOSMO -32 KERAJAAN KINI BUAT APA?, PENTERNAK RAYU BANTUAN, DALAM NEGERI, UM -33	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7.	KAWAL HARGA MAKANAN TERNAKAN, DALAM NEGERI, UM -32 TERPAKSA JUAL DAGING KEPADA PERAIH LUAR, DALAM NEGERI, UM -33 RUMPUT, DAUN, BATANG PISANG GANTI DEDAK, DALAM NEGERI, UM -33	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9. 10. 11. 12. 13.	SALAHUDDIN DEDAH DITAWAR PERCUTIAN MEWAH SYARIKAT KARTEL DAGING, ONLINE, OH SEMPUT MAQIS RAMPAS SOTONG SEJUK BEKU BERNILAI LEBIH RM1 JUTA, LOKAL, HM -4 45 TAN SOTONG DARI CHINA BERNILAI RM1J DIRAMPAS, NASIONAL, BH -16 21 LEMBU DIRAMPAS DIPERCAYAI DISELUDUP DARI THAILAND, NEGERI, SH -23 21 LEMBU 'BERENANG' SUNGAI GOLOK DIRAMPAS, NASIONAL, BH -21 MAQIS PATAHKAN CUBAAN SELUDUP HAIWAN, HASIL TANI, NASIONAL, SH -8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
14. 15. 16. 17. 18. 19. 20.	PENETAPAN HARGA SILING PADI SAH ELAK MANIPULASI, ONLINE, UTUSAN BORNEO PADI SEEDS CEILING PRICE TO PREVENT MANIPULATION, ONLINE, BORNEO POST (KK) KENAL PASTI SYARIKAT BAHARU PANEL PENGELUAR BENIH PADI SAH, NEGARA, KOSMO -16 MAFI PERKENAL HARGA SILING RM35, NASIONAL, SH -14 PINDA AKTA, ELAK MANIPULASI, DALAM NEGERI, UM -32 HARGA SILING BENIH PADI SAH RM35 SATU BEG, NASIONAL, BH -14 PENJUALAN BENIH PADI SAH DALAM TALIAN DIPANTAI, NASIONAL, BH -14	INDUSTRI PADI BERAS (IPB)
21.	LADANG TANAMAN RUMPUK NAPIER KURANG, DALAM NEGERI, UM -32	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
22. 23.	350 INSTITUT KEMAHIRAN TENAT, NASIONAL, SH -5 'ORANG TENGAH KAWAL HARGA SAYUR', NASIONAL, BH -15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

220 AHLI PPK JOHOR TERJEJAS BANJIR TERIMA SUMBANGAN DARIPADI MAFI



PUTRAJAYA: Seramai 220 ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Johor yang terjejas akibat banjir telah menerima sumbangan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Misi MAFI Prihatin.

Sumbangan kepada ahli peladang itu melibatkan ahli di enam PPK iaitu PPK Kota Tinggi, PPK Kota Tinggi Timur, PPK Johor Bahru Timur, PPK Johor Bahru Selatan, PPK Mersing dan PPK Endau.

Ahli-ahli peladang yang terjejas ini telah dikenal pasti oleh pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui PPK masing-masing.

Sumbangan tersebut disampaikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Dalam perkembangan lain, MAFI melalui LPP sebelum ini telah mengambil langkah segera dalam pemberian sumbangan bantuan kepada ahli peladang terjejas melibatkan 239 ahli peladang di PPK Pengerang, PPK Benut, PPK Simpang Renggam, PPK Parit Raja dan PPK Kluang. Bantuan telah disampaikan oleh LPP.

Bantuan yang telah diberikan kepada 239 orang ahli peladang terjejas di Johor adalah sumbangan Kit NAFAS iaitu minyak masak, tepung gandum, sardin, mi segera, susu pekat manis, biskut, produk oat, serbuk coklat, sabun mandi, berus gigi dan ubat gigi.

Sumbangan MAFI Prihatin pada kali ini disumbangkan pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI.

Antara barangan yang disumbangkan adalah mesin pengisar, beras, minyak, gula, tepung, dapur gas mini, sardin, Q-fish, buah nanas, barangan pembersih diri dan lain-lain.

MAFI dalam kenyataan medianya berkata, nilai sumbangan keseluruhan kepada 459 orang ahli peladang terjejas ini adalah sebanyak RM80,000.

"Sumbangan barangan makanan dan barangan keperluan asas ini diharap dapat meringankan sedikit beban ahli peladang terjejas dalam menghadapi pascabanjir.

"Program bantuan barangan asas dan keperluan ini adalah inisiatif MAFI melalui MAFI Prihatin di mana program ini telah dilancarkan pada 21 Januari lalu oleh Menteri MAFI Datuk Seri Dr Ronald Kiandee," katanya.

Pada masa sama, MAFI juga akan membantu pekebun dan ahli peladang yang mengalami masalah perusahaan pertanian mereka yang terjejas banjir melalui Tabung Bencana MAFI dan laporan-laporan telah diterima oleh pihak MAFI untuk penelitian dan tindakan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	14

Misi MAFI Prihatin bantu ahli peladang di Johor

JOHOR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited meneruskan Misi MAFI Prihatin ke negeri Johor dengan menyampaikan sumbangan kepada ahli peladang yang terjejas banjir di negeri itu.

Timbalan Menteri MAFI II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, misi itu melibatkan 220 ahli peladang daripada enam buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu PPK Kota Tinggi, PPK Kota Tinggi Timur, PPK Johor Bahru Timur, PPK Johor Bahru Selatan, PPK Mersing dan PPK Endau.

“Agensi penyelaras Misi MAFI Prihatin Johor ialah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP),” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Che Abdullah turut menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir pada Program MAFI Prihatin Bantuan Banjir Tahun 2021 PPK Kota Tinggi dan PPK Kota Tinggi Timur di Johor pada Selasa.

Beliau berkata, MAFI melalui LPP sebelum ini telah mengambil langkah segera dalam pemberian sumbangan bantuan kepada ahli peladang yang terjejas melibatkan 239 orang ahli di PPK Pengerang, PPK Benut, PPK Simpang Renggam, PPK Parit Raja dan PPK Kluang.

“Bantuan yang diberikan adalah sumbangan Kit Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Kit Nafas) iaitu minyak masak, tepung gandum, sardin, mi segera, susu pekat, biskut, produk iat, serbuk coklat, sabun mandi, berus gigi dan ubat gigi,” katanya.



Che Abdullah (depan, kanan) menyampaikan sumbangan kepada ahli peladang pada Program MAFI Prihatin Bantuan Banjir Tahun 2021 PPK Kota Tinggi dan PPK Kota Tinggi Timur di Johor pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	KOSMO	KOMUNITI KITA	32

Kerajaan bantu 1,461 petani terjejas bencana

BANTU PETANI. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperuntukkan RM146,100 bagi membantu petani yang terjejas dalam kejadian banjir di beberapa negeri pada penghujung tahun lalu dan awal Januari ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, peruntukan di bawah program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Prihatin itu melibatkan 1,461 petani.

"Hampir 90 peratus

petani yang merupakan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) terkesan dengan bencana banjir itu telah menerima sumbangan tersebut," katanya.

Che Abdullah berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Banjir di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Rantau Panjang, Kelantan baru-baru ini.

Selain itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Tumpat memberitahu, pihaknya akan membangunkan kaedah pertanian moden bagi

memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

Katanya, pertukaran status tanah pertanian kepada pembangunan turut memberikan impak kepada penghasilan sumber makanan negara.

"Bidang kuasa tanah di negara ini terletak di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Pihak kementerian faham dengan isu-isu yang dibangkitkan (berkait penukaran status tanah pertanian kepada pembangunan),"katanya.



CHE ABDULLAH (kiri) menyerahkan sumbangan kepada petani yang terkesan akibat banjir di Rantau Panjang baru-baru ini.

10/2/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

Kerajaan kini buat apa? penternak rayu bantuan

Oleh **ROHANA MOHD. NAWI dan ZULHANIFA SIDIK**
utusannews@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Lebih 100 penternak di sekitar Peringat dan Melot, di sini menggesa kerajaan segera mengambil tindakan bagi mengawal harga dedak yang dikatakan naik melampau kebelakangan ini.

Mereka mendakwa sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada Mac lalu, harga dedak dan makanan haiwan lain naik beberapa kali sehingga 30 peratus lebih tinggi berbanding harga asal.

Wakil mereka, Mohamad Razali Yusof, 57, penternak lembu dari Peringat berkata, selain mahal dan membebankan, bekalan juga semakin sukar diperolehi kerana peniaga mendakwa sering kehabisan stok.

"Kenaikan ini berlaku sejak PKP tahun lepas lagi dan seolah-olah harga makanan ternakan tidak dikawal langsung. Kerajaan sedang buat apa untuk bantu

kami?," katanya ketika ditemui Utusan *Malaysia* di sini, semalam. Seorang lagi penternak, Mohd. Alamir Hamzah, 48, dari Melor, pula berkata, kenaikan harga dedak membebankan penternak kecil seperti nya dan barga lembu untuk raya korban nanti mungkin terpaksa dinaikkan bagi menampung beban itu.

"Ini kerana kami terpaksa mengeluarkan modal besar untuk memastikan ternakan seperti lembu dan kambing kekal sihat dan gemuk," katanya. Sementara itu, Pengerusi Persekutuan Petani dan Penternak Kelantan, Abdul Halim Yusof berkata, bekalan dedak didapati berkurangan secara mendadak ekoran kebanyakan kilang tidak beroperasi ketika PKP.

"Harga naik kerana bekalan semakin kurang. Kita akan bercincang dengan wakil pengilang untuk cari jalan penyelesaian selain merancang untuk mewujudkan kilang sendiri dan bekalkan dedak pada harga lebih rendah.

kerana terdapat pembekal atau pengilang mengambil kesempatan daripada PKP untuk 'bermain' harga.

Sejak awal tahun ini kata beliau, PPIK mendapat aduan stok makanan haiwan ternakan terutama dedak amat terhad di kedai-kedai runcit memaksa penternak membeli dedak yang ada walaupun harganya jauh lebih mahal.

"Langkah drastik segera diambil kerajaan melalui tiga Kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Kementerian Perusahaan Perlindungan Dan Komoditi dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"PPIK harap kerajaan mendengar suara penternak dan menyelaraskan semula harga makanan haiwan ini. Jika mahu naikan harga, ini bukan masanya lagi kerana rakyat sudah sedia terkesan akibat pandemik Covid-19," katanya.



MOHD FARED ABDUL GHANI

"Selain itu, kita memohon jasa baik kerajaan untuk melihat isu ini dengan serius dan segera membantu penternak terkesan seperti mewujudkan subsidi tertentu kepada mereka yang layak," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persekutuan Pengguna Islam Kelantan (PPIK), Datuk Seri Dr. Mohd. Fared Abdul Ghani berkata, harga dedak melambung tinggi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



NORDIN ABDUL MALEK

Kawal harga makanan ternakan

PETALING JAYA: Institut Agro Usahawan (iGrow) menggesa kerajaan mengambil pendekatan yang lebih serius berhubung isu kenaikan harga bekalan makanan ternakan atau 'dedak' kerana ia melibatkan soal produktiviti makanan seperti daging.

Pengerusi Eksekutifnya, Nordin Abdul Malek berkata, kenaikan mendadak berkenaan adalah perkara serius yang boleh menyumbang kepada kenaikan harga daging dan ternakan.

"Langkah serta-merta mesti diambil. Kerajaan perlu jadikan makanan ternakan ini sebagai barangan keperluan yang dikawal," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Nordin, kerajaan juga perlu menyediakan lebih banyak latihan komprehensif bagi melatih penternak dan pengusaha tempatan mengeluarkan sendiri bekalan dedak.

Katanya, negara ini penuh dengan kepelbagaian sumber semula jadi terutama yang boleh dimanfaatkan.

"Jadi, mengapa tidak kita gerakan tenaga pakar terutama penyelidikan dan pengajian tinggi untuk mengkaji apakah sumber protein yang berkualiti untuk hasilkan bekalan makanan ternakan.

"Sedia maklum negara kita antara pengeluar sawit terbesar dan tidak salah kita gunakannya sebagai sumber makanan ternakan pula," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Terpaksa jual daging kepada peraih luar

KUALA TERENGGANU: Harga dedak yang melambung tinggi di pasaran menyebabkan penternak lembu di negeri ini terpaksa menjual daging kepada peraih luar.

Pengerusi Persatuan Penternak Ruminan Negeri Terengganu (PPRNT), Mohd. Amirul Ibrahim, berkata, situasi itu mulai dikesan pada tahun ini berikutan tawaran harga tinggi yang sanggup dibayar peraih daging dari Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Perak iaitu antara RM32 dan ke atas untuk sekilogram.

"Kadar harga daging di Terengganu ialah RM30 sekilogram dan lazimnya peraih tempatan membeli pada harga lebih murah sekitar RM27."

"Dengan harga dedak yang makin melambung, tidak pulang modal untuk menjual daging kepada peraih tempatan. Jadi rata-rata penternak tiada pilihan dan terpaksa mengutamakan peraih luar," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sektor penternakan turut menerima tempas pandemik Covid-19 dengan sekurang-kurangnya tiga kali kos makanan ternakan dinaikkan sepanjang tahun lalu.

Mohd. Amirul bimbang jika keadaan berlarutan nasib penternak lembu di seluruh negara berterusan ditimpa malang selepas berdepan kerugian besar pada tahun lalu akibat impak Covid-19.

Katanya, walaupun ada segelintir penternak yang beralih kepada makanan alternatif seperti rumput dan daun tetapi dedak tetap perlu diberikan bagi menjamin berat lembu dan kualiti ternakan.

"Kos operasi saya kini meningkat 30 peratus kerana kesemua 15 lembu baka daripada jenis Charolais, Limousin, Belgian Blue dan Blonde masih diberikan dedak," ujarnya.

21 lembu 'berenang' Sungai Golok dirampas

Tumpat: Sebanyak 21 lembu yang diseludup masuk dari negara jiran dengan menyeberangi sungai dan dalam perjalanan masuk ke kandang, di Kampung Bendang Pak Yong, dekat sini, dirampas pihak berkuasa awal pagi semalam.

Sebelum itu semua lembu yang masih dalam keadaan basah diheret beberapa individu dipercayai dari sebuah pangkalan haram di sini.

Pegawai Pemerintah Batalion 9, Pasukan Gerakan Am (PGA), Superintendan Nor Azizan Yusof, berkata dalam kejadian kira-kira jam 1 pagi semalam, anggotanya yang sedang dalam penguasaan rondaan berkereta di Kampung Bendang Pak Yong ternampak beberapa lelaki mengheret lembu.

"Ketika memasuki sebuah kandang lembu di kampung itu, mereka menyedari kehadiran pihak berkuasa sebelum melarikan diri dengan meninggalkan semua lembu terbabit.



Lembu yang diseludup melalui pangkalan haram di Sungai Golok dirampas pihak berkuasa awal pagi semalam.

"Pemeriksaan dalam kandang itu menjumpai 21 lembu yang dipercayai diseludup masuk dari Thailand melalui Sungai Golok.

"Pemeriksaan juga mendapati badan lembu berkenaan masih basah dan tiada tag telinga, disyaki baharu diseludup melalui pangkalan haram berdekatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nor Azizan berkata, tidak lama kemudian muncul seorang lelaki berusia

33 tahun yang mengaku pemilik kandang lembu terbabit.

Lelaki terbabit gagal mengemukakan dokumen berkaitan pemilikan lembu ketika diminta dan dia seterusnya ditahan, manakala semua lembu itu yang dianggarkan bernilai RM58,000 dirampas untuk siasatan lanjut.

"Semua lembu itu dipercayai untuk pasaran tempatan. Kes disiasat di bawah Seksyen 11 (1) Akta MAQIS 2011," katanya.

10/2/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

Rumput, daun, batang pisang ganti dedak



MUHAMMAD IDHAM MUHAMAD ROSHDAN mengukui projek temakannya terjejas dengan kenaikan harga dedak.

KOTA BHARU: Penternak khususnya haiwan ruminan terpaksa mencari pelbagai alternatif sebagai makanan ternakan masing-masing bagi menggantikan dedak yang kini semakin melonjak harganya.

Antara pilihan mereka ialah rumput, dedaunan dan batang pisang yang bersesuaian serta tidak memudaratkan haiwan.

Seorang penternak, Muhammad Idham Muhammad Roshdan, 23, dari Kampung Kubang Kawah, Bachok berkata, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), harga dedak naik beberapa kali seolah-olah tiada kawalan daripada pihak berkuasa.

Dia yang menternak 10 ekor lembu, 10 ekor kambing dan lima biri-biri terkesan dengan kenaikan harga dedak tersebut dan kini terpaksa keluar mencerut rumput sendiri atau mencari daun kayu sesuai sebagai makanan haiwan terbabit.

"Saya naik hairan kenapa harga dedak boleh naik dengan sewenang-wenangnya dengan pelbagai alasan seperti harga minyak naik, kekangan pergerakan disebabkan PKP dan bencana banjir. Ia tidak sepatutnya berlaku

kerana menjejaskari orang kampung kerana kami cuma penternak kecil-kecilan.

"Kerajaan perlu masuk campur dalam hal ini untuk mengawal harganya dan turut menimbang menyalurkan subsidi sebagaimana yang dinikmati nelayan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Marzuki Mohd. Zin, 38, dari Kampung Cherang Ruku, Pasir Puteh pula berkata, harga satu beg dedak soya jenis 1620 untuk lembu dulu hanya RM52 dan kini naik mencanak sehingga RM73 untuk setiap 50 kilogram.

Dia yang memiliki 17 ekor lembu, 13 biri-biri dan 20 amab berkata, dedak sawit 8878 dulu dibeli dengan harga RM30 sekilogram kini naik sebanyak RM6 manakala dedak sawit merah dulunya berharga RM48 kini dijual pada kadar RM56 sekilogram.

"Rakan penternak yang lain turut menungut terutama mereka yang menternak secara sara diri. Mereka yang bela ayam dan itik kini mencari alternatif menggunakan batang pisang sebagai makanan gantian memandangkan kos dedak jenama Goldcoin turut naik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	OH! SEMPUR	ONLINE	

SALAHUDDIN DEDAH DITAWAR PERCUTIAN MEWAH SYARIKAT KARTEL DAGING



BANGI, 27 Jamadilakhir 1442H, Selasa – Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub mendedahkan pernah menerima tawaran percutian mewah ke Eropah dari syarikat pengimport yang mempunyai kaitan dengan kartel daging.

Beliau mendakwa didekati oleh syarikat itu dua tahun lalu ketika pertama kali memegang jawatan menteri.

Dakwanya, tawaran tersebut diberikan ketika mengadakan perjumpaan bersama wakil pengimport daging itu beberapa bulan selepas dilantik ke jawatan tersebut.

Bagaimanapun beliau merasakan ada sesuatu yang tidak kena dengan perjumpaan yang sepatutnya menjadi sesi perkenalan antara menteri dan juga pemain industri itu apabila ditawarkan dengan pakej percutian yang digambarkan sebagai 'kunjungan hormat'.

"Mereka menawarkan pakej percutian mewah kepada saya dan keluarga.

"Perjalanan berbayar untuk Eropah tetapi saya terpaksa menolak," katanya seperti dilapor New Straits Times, hari ini.

Ditanya mengapa tidak membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Salahuddin berkata pada masa itu, beliau tidak pasti dengan sifat tawaran berkenaan.

Pada 2 Disember lalu, media melaporkan mengenai kewujudan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina.

Kartel berkenaan kemudian membungkus semula daging itu menggunakan logo halal sebelum menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia sebelum ia terbongkar hasil serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai.

Kegiatan itu dipercayai dijalankan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang akan ditampal pada kotak daging yang dibungkus semula sebelum dijual di pasaran tempatan sebagai daging halal.

Penafian: Kenyataan berita atau artikel ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Media Isma Sdn Bhd atau Portal Islam dan Melayu Ismaweb.net.



SOTONG dari China yang dirampas Maqis.

Maqis rampas sotong sejuk beku bernilai lebih RM1 juta

Butterworth: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 45 tan sotong sejuk beku bernilai lebih RM1 juta dari China, selepas pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, kelmarin.

Ketika pemeriksaan pada jam 12.30 tengah hari, dua kontena berisi sotong sejuk beku itu baru dilabuhkan ke pelabuhan.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, siasatan mendapati barangan itu tiada permit import sah yang menyebabkan pihaknya merampas muatan itu yang diisi dalam 4,500 kotak.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

4,500

Jumlah kotak yang diisi sotong sejuk beku

2011 [Akta728] yang sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, Maqis komited untuk terus memastikan semua keluaran pertanian, perikanan dan haiwan yang masuk ke dalam negara mematuhi syarat dan peraturan bagi menjamin kualiti selain selamat dimakan rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI	23



Lembu yang dirampas PGA Batalion 8 pada pagi Selasa.

21 lembu dirampas dipercayai diseludup dari Thailand

TUMPAT - Seorang pemilik ladang ditahan berikutan penemuan 21 lembu dalam keadaan basah kuyup dipercayai baru diseludup melalui sungai di Kampung Bendang Pak Yong di sini, awal pagi Selasa.

Lelaki berusia 33 tahun itu ditahan sepasukan pegawai dan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 pada jam 1 pagi.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 9, Superintendan Nor Azizani Yusof berkata, pasukan rondaan sebelum itu terserempak beberapa lelaki mengheret lembu ke sebuah kandang di kampung tersebut.

“Menyedari kehadiran pasukan, mereka melarikan diri. Pemeriksaan lanjut di kandang mendapati terdapat 21 lembu masih basah dan tidak ada tag di telinga.

“Haiwan ini dipercayai diseludup masuk dari Thailand melalui pangkalan haram berdekatan,” katanya dalam satu kenyataan akhbar pada Selasa.

Mengulas lanjut, ketika pemeriksaan suspek datang mengaku sebagai pemilik kandang, namun gagal mengemukakan dokumen berkaitan pemilikan semua lembu.

“Siasatan awal mendapati lembu tersebut dipercayai bagi tujuan sembelihan dan daging akan dijual di pasar berdekatan bergantung kepada permintaan,” katanya.

Beliau berkata, lelaki itu ditahan dan lembu dirampas untuk siasatan lanjut serta diserahkan ke Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

“Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Maqis patahkan cubaan seludup haiwan, hasil tani

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas dua kontena sotong sejuk beku yang dibawa dari China pada Isnin.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, cubaan membawa masuk barang dagangan berkenaan dikesan ketika pemeriksaan dilakukan di Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Menurutnya, pemeriksaan menemui 4,500 kotak yang setiap satu seberat 10 kilogram (kg) sotong sejuk beku dan dianggarkan bernilai RM1 juta.

"Semakan dibuat mendapati sotong sejuk beku terbabit tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan Maqis," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Zarina berkata, jika sabit kesalahan pemilik barang dagangan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Sementara itu di **ALOR SETAR**, Maqis Kedah berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk pisang dan nanas berjambul tanpa permit di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Putra di Durian Burung pada Sabtu.

Pengarahnya, Lily Rosalind Paul



Nanas yang dirampas Maqis Kedah di ICQS Kota Putra pada Sabtu.

berkata, dalam pemeriksaan rutin pada jam 4.15 petang itu pegawai bertugas mendapati sebuah lori membawa muatan sebanyak 43 bakul pisang seberat 750 kilogram serta 13 bakul nanas berjambul seberat 130 kilogram.

Katanya, semua barang dagangan yang dianggarkan bernilai RM1576 itu dirampas dan pemandu ditahan untuk tindakan lanjut kerana gagal mengemukakan permit import yang dikeluarkan oleh Jabatan Maqis.

Di **PENKALAN HULU**, cubaan pemandu lori dan ejen membawa keluar 300kg ikan proses ke Thailand di Kompleks Imigresen Bukit Berapit di sini berjaya dipatahkan Maqis Perak pada Isnin.

Pengarahnya, Rozita Superman berkata, dalam pemeriksaan bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia itu mendapati, hasil perikanan di-

anggarkan bernilai RM3,000 itu cuba dibawa keluar bersama barangan runcit lain melalui laluan eksport kenderaan berat di ICQS Bukit Berapit.

"Maqis menahan pemandu lori dan ejen tersebut untuk mengambil keterangan kerana tidak mempunyai permit eksport yang sah.

"Hasil pemeriksaan mendapati ikan proses tersebut dibawa bersama barang-barang makanan runcit lain yang tidak memerlukan permit Maqis," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Dalam pemeriksaan berasingan, Rozita berkata, Maqis Perak mengesan cubaan membawa masuk 50 kotak berisi pelbagai jenis pokok kaktus di Pejabat Pos Besar Ipoh.

Beliau berkata, kaktus yang diimport dari Thailand dianggarkan bernilai RM4,000 itu tidak mempunyai permit import yang sah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

PENETAPAN HARGA SILING PADI SAH ELAK MANIPULASI



PUTRAJAYA: Penetapan harga siling RM35 bagi 20 kilogram (kg) beg benih padi sah (BPS) yang dibuat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada tahun ini bagi mengelakkan manipulasi dan harga lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

Keputusan itu juga dibuat pihak kementerian selepas mengesan ada penjualan benih padi secara haram kepada pesawah oleh ejen atau orang tengah tanpa lesen yang sah daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras, MAFI.

Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Azman Mahmood berkata, kementerian mengambil inisiatif melaksanakan mekanisme itu berikutan isu sama yang berulang pada setiap musim penanaman padi.

“Perkara ini menyebabkan berlaku isu kelewatan penghantaran benih padi dan harga dibeli pesawah tidak dikawal sehingga dijual pada harga antara RM33 hingga RM60 setiap 20kg benih padi,” katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Azman berkata, selain penetapan harga siling BPS di paras RM35 per beg, MAFI juga melaksanakan beberapa tindakan lain termasuk melantik Pertubuhan Pela-dang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal.

“Selain itu, MAFI juga mengeluarkan lesen peruncit hanya kepada 145 Pertubuhan Peladang Kawasan berkaitan tanaman padi di Semenanjung Malaysia di samping melaksanakan pengawasan kualiti di sepanjang rantai nilai benih padi sah.

“Ini antara pindaan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) di bawah Seksyen 4(2) bagi mengatasi isu manipulasi harga dan pengedaran benih padi,”katanya.

Dalam perkembangan lain, Azman berkata MAFI kini dalam proses mengenal pasti syarikat-syarikat baharu untuk dipertimbangkan sebagai panel pengeluar benih padi sah bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Katanya, penggunaan BPS oleh pesawah amat penting kerana dapat mengatasi padi angin di samping meningkatkan mutu pengeluaran padi dan beras negara secara konsisten.

Sehingga kini, sebanyak 81,000 beg telah diedarkan ke Selangor, Perak dan Pahang melalui ejen rasmi yang berlesen melalui PPK.

Headline	Padi seeds ceiling price to prevent manipulation		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	10 Feb 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	53 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 148
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 443



Padi seeds ceiling price to prevent manipulation

PUTRAJAYA: The decision to fix the ceiling price for Certified Padi Seeds (BPS) at RM35 per 20kg bag was made to prevent manipulation of BPS and prices in the field through uncontrolled purchases by various parties at the factories.

Ministry of Agriculture and Food Industries' Padi and Rice Regulatory division director-general Azman Mahmood said this decision was also made after the ministry detected the sale of padi seeds by agents or middlemen who did not have a valid licence to farmers.

"The ministry has taken the initiative to implement the mechanism due to this recurring issue which has caused delays in delivery of the padi seeds and price hikes up of to RM60 per 20 kg of padi seeds," he said in a statement yesterday.

On Dec 22 last year, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said that MAFI had set a ceiling price for BPS not exceeding RM35 for every 20 kilograms (kg) to prevent manipulation. -Bernama

Kenal pasti syarikat baharu panel pengeluaran benih padi sah



PENETAPAN harga siling BPS setiap beg sebanyak RM35 bagi menggalakan manipulasi dan pembelian tanpa kawalan di pintu kilang. - GAMBAR HIASAN

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kini dalam proses mengenal pasti syarikat baharu untuk dilantik sebagai panel pengeluaran benih padi sah (BPS) bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Ketua Pengarah Bahagian Kawal Sella Padi dan Beras, Azman Mahmood berkata, pada masa ini, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dilantik sebagai pemborong lesen peruncit mengeluarkan benih padi kepada 145 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) berkaitan tanaman padi di Semenanjung Malaysia.

Katanya, langkah itu merupakan sebahagian tindakan yang dibuat Kementerian menerusi Pindaan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 bertujuan menangani masalah manipulasi harga dan pengedaran benih padi yang ber-

ulang setiap kali musim penanaman.

"Kementerian juga melaksanakan pengawasan kualiti di sepanjang rantaian nilai benih padi sah.

"Selain itu, Kementerian sebelum ini juga telah menetapkan harga siling BPS di paras maksimum RM35 setiap beg kepada pesawah tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azman memberitahu, penetapan harga siling RM35 bagi 20 kilogram (kg) beg BPS pada tahun ini bagi mengelakkan manipulasi dan harga lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

Ujarnya, keputusan itu juga dibuat pihak Kementerian se-

lepas mengesan terdapat penjualan benih padi secara haram kepada pesawah oleh ejen-ejen atau orang tengah tanpa lesen yang sah daripada Kawal Sella Padi dan Beras.

"Perkara ini menyebabkan berlaku isu kelewatan penghantaran benih padi dan harga dibeli pesawah tidak dikawal sehingga dijual pada harga antara RM33 hingga RM60 setiap 20kg benih padi," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Azman berkata, penggunaan BPS oleh pesawah amat penting kerana dapat mengatasi padi angin di samping meningkatkan mutu pengeluaran padi dan beras negara secara konsisten.

Sehingga kini, sebanyak 81,000 beg telah diedarkan ke Selangor, Perak dan Pahang melalui ejen rasmi yang berlesen menerusi PPK.

MAFI perkenal harga siling RM35

Selepas kesan ada penjualan benih padi secara haram

Oleh **TUAN BUQHAI RAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menetapkan harga siling Benih Padi Sah (BPS) adalah sebanyak RM35 bagi setiap beg.

Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras, Azman Mahmood berkata, penetapan harga itu bagi mengelak manipulasi BPS dan harga lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

“Keputusan juga dibuat oleh MAFI selepas mengesan



Harga benih padi yang dibeli pesawah tidak dikawal sehingga ada yang menjualnya pada harga RM33 sehingga RM60 setiap 20 kilogram benih padi,

(PPK) berkaitan tanaman padi di Semenanjung Malaysia, selain harga siling BPS, RM35 tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan,” katanya.

Menurutnya, pihaknya juga akan melaksanakan pengawasan kualiti di sepanjang rantauan nilai benih padi sah.

“MAFI kini dalam proses mengenal pasti syarikat bahu ru untuk dipertingkatkan sebagai panel pengeluar benih padi sah bagi tempoh tiga tahun akan datang,” katanya.

Setinggi kini, katanya, sebanyak 81,000 beg telah diedarkan kepada Selangor, Perak dan Pahang melalui ejen rasmi yang berlesen.

“Penggunaan benih padi sah oleh pesawah amat penting kerana dapat mengatasi padi angin, selain meningkatkan mutu pengeluaran padi dan beras negara secara konsisten,” katanya.

pengedaran benih padi, MAFI telah melaksanakan pindaan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) di bawah Seksyen 4(2) iaitu melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai perubong tunggal.

“Lesen peruncit banya dikeluarkan kepada 145 Pertubuhan Peladang Kawasan

padi sehingga menyebabkan timbulnya kelewatan penghantaran.

“Harga benih padi yang dibeli pesawah tidak dikawal sehingga ada yang menjualnya pada harga RM33 sehingga RM60 setiap 20 kilogram (kg) benih padi,” katanya.

Beliau berkata, bagi mengatasi isu manipulasi harga dan

ada penjualan benih padi secara haram oleh ejen atau orang tengah kepada pesawah tanpa lesen sah daripada Kawal Selia Padi dan Beras (Beras),” katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, pelaksanaan mekanisme itu dilakukan susulan isu sama yang berulang pada setiap musim penanaman

Pinda akta, elak manipulasi

Oleh PETAH WAZAN ISKANDAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menetapkan harga siling Benih Padi Sah (BPS) di paras maksimum sebanyak RM35 setiap beg kepada pesawah bagi tahun ini.

Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras kementerian itu, Azman Mahmood berkata, penetapan harga siling itu bagi mengelakkan manipulasi BPS dan harga lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

Katanya, ia susulan pihak

kementerian, mengesan terdapat penjualan benih padi secara haram oleh ejen atau orang tengah kepada pesawah tanpa mempunyai lesen yang sah daripada Kawal Selia Padi dan Beras.

"Mekanisme itu dibuat berikutan, isu sama yang berulang pada setiap musim penanaman padi hingga menyebabkan berlakunya isu kelewatan penghantaran benih padi.

"Ini menyebabkan harga dibeli pesawah tidak dikawal sehingga dijual pada harga RM33 hingga RM60 setiap 20 kilogram (kg) benih padi.

"Bagi mengatasi isu manipulasi harga dan pengedaran benih

padi, kementerian telah melaksanakan pindaan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) di bawah Seksyen 4(2) melibatkan empat perkara," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Azman berkata, selain penetapan harga siling BPS di paras maksimum sebanyak RM35, kementerian melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nahfas) sebagai pemborong tunggal.

"Lesen peruncit hanya dikeluarkan kepada 145 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) berkaitan tanaman padi di Semenanjung Malaysia bagi melaksanakan pengawasan kualiti di sepanjang rantaian

nilai benih padi sah," katanya. Tambahnya, pihaknya kini dalam proses mengenal pasti syarikat-syarikat baharu untuk dipertimbangkan sebagai panel pengeluar benih padi sah bagi tempoh tiga tahun akan datang.

"Sehingga kini, sebanyak 81,000 beg telah pun diedarkan kepada Selangor, Perak dan Pahang melalui agen rasmi yang berlesen melalui PPK.

"Penggunaan BPS oleh pesawah amat penting kerana dapat mengatasi padi angin di samping meningkatkan mutu pengeluaran padi dan beras negara secara konsisten," katanya.

Harga siling Benih Padi Sah RM35 satu beg

Langkah
elak jualan
tanpa lesen,
manipulasi
di pintu kilang

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga siling RM35 setiap beg ditetapkan bagi Benih Padi Sah (BPS) tahun ini dalam usaha mengelak manipulasi dan harga lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Azman Mahmood, berkata ia dibuat selepas mesyuarat ada penjualan benih padi

secara haram oleh ejen atau orang tengah kepada pesawah tanpa lesen sah daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras.

"Kementerian melaksanakan mekanisme itu berikutan isu yang berulang pada setiap musim penanaman padi hingga menyebabkan berlaku isu kelewatan penghantaran benih padi.

"Harga dibeli pesawah juga tidak dikawal sehingga dijual pada harga RM33 hingga RM60 setiap 20 kilogram benih padi," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagi mengatasi isu manipulasi harga dan pengedaran benih padi, beliau berkata, Kementerian sudah meminda Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) di bawah Seksyen 4(2).

"Antara lain, melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal dan mengeluarkan lesen peruncit hanya kepada 145 buah Pertubuhan Peladang Kawasan

(PPK) berkaitan tanaman padi di Semenanjung.

"Kementerian juga menetapkan harga siling benih padi sah di paras maksimum RM35 setiap beg kepada pesawah tanpa membabitkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan dan melaksanakan pengawasan kualiti di sepanjang rantaian nilai benih padi sah," katanya.

Beliau berkata, Kementerian dalam proses mengenal pasti syarikat baharu untuk dipertimbangkan sebagai panel pengeluar benih padi sah bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Sehingga kini, Azman berkata, sebanyak 81,000 beg sudah diedar kepada Selangor, Perak dan Pahang melalui ejen rasmi yang berlesen melalui PPK.

"Penggunaan benih padi sah oleh pesawah amat penting kerana dapat mengatasi padi angin di samping meningkatkan mutu pengeluaran padi dan beras negara secara konsisten," katanya.



**Ia dibuat selepas
mengesan ada
penjualan benih padi
secara haram oleh ejen
atau orang tengah.**

Azman Mahmood,
Ketua Pengarah Bahagian
Kawal Selia Padi dan Beras,
Kementerian Pertanian
dan Industri Makanan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Penjualan benih padi tidak sah dalam talian dipantau

Bagan Serai: Pihak berkuasa termasuk Jabatan Pertanian diminta membuat pemeriksaan menyeluruh termasuk jualan dalam talian bagi memastikan tiada benih padi tidak sah dijual kepada pesawah di Perak.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, berkata pihaknya memandang serius isu benih padi tidak sah yang dikatakan dijual secara dalam talian.

Katanya, biarpun belum ada kes seperti itu di Perak, pihaknya meminta agensi berkaitan termasuk Jabatan Pertanian dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) membuat pemantauan berterusan dan mengambil tindakan jika dapat mengesannya.

"Di Perak, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) membekalkan 72,000 tan benih padi sah kepada PPK untuk kegunaan pesawah bagi setiap musim penanaman padi.

"Sekiranya kuota benih padi ini tidak habis dijual, bermakna pasti ada pihak atau pesawah menggunakan benih padi yang tidak sah daripada sumber tertentu termasuk dalam talian.

"Justeru, perkara ini perlu ditangani dengan serius bagi memastikan kualiti dan hasil padi Perak terjamin," katanya pada sidang media selepas menyantuni masyarakat Cina sempena sambutan Tahun Baharu Cina di Jalan Jeti, di sini, semalam.

Razman berkata, tindakan kerajaan melalui NAFAS yang kini menyelaraskan harga siling benih padi sah iaitu RM35 sekampit (20kg) adalah untuk mengelak pihak tertentu daripada terus memanipulasikan harga sekali gus memberi impak negatif terhadap hasil mutu padi.

"Difahamkan, sebelum ini ada pihak menjual padi yang tidak sah ini sehingga mencecah RM70 sekampit dan tindakan kerajaan menyelaraskan harga benih ini dijangka memberi impak positif dalam menangani masalah benih tidak sah ini.

 **Perkara ini perlu ditangani dengan serius bagi memastikan kualiti dan hasil padi Perak terjamin,**

Razman Zakaria,
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Perak

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Ladang tanaman rumput napier kurang

♦KUALA LANGAT: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat bercadang mewujudkan ladang tanaman rumput napier secara bersepadu seluas lapan hektar di Morib.

Pengurus Besarinya, Mohd. Shakran Shamsudin berkata, dengan adanya ladang tanaman itu, ia membolehkan daging lembu dapat dipasarkan dengan lebih murah kerana kos pengeluaran makanan dapat dikurangkan.

Menurutnya, buat masa ini, tiada ladang khas dibuat untuk menanam rumput Napier dan penternak hanya memanfaatkannya di kawasan tanah kosong dan di tepi jalan.

“Untuk memberi makan kepada ternakan, penternak perlu membeli kos rumput napier tempatan dari luar dengan harga RM350 satu tan. Sekiranya ada ladang tanaman rumput, kita boleh mengurangkan kos sehingga menjadi RM150 satu tan sekali gus dapat menjimatkan kos penternakan.

“Setakat ini, kita telah memohon untuk menanam rumput di kawasan tanah milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor seluas lapan hektar di Morib.

Perkara ini masih dalam proses, tetapi telah mendapat perhatian Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir. Izham Hashim.

“Malah, dengan pengurangan kos ini, harga jualan daging dapat dikurangkan kepada



MOHD. Shakran Shamsudin (kiri) dan Abdul Razak memantau rumput napier yang ditanam sekitar tepi jalan menghala ke Lebuhraya SKVE di Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

RM30 hingga RM32 sekilogram berbanding buat masa ini RM36 manakala harga daging sejuk beku import RM20 sekilogram,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di kawasan tanaman rumput napier di tepi jalan di Teluk Panglima Garang di sini semalam yang turut dihadiri Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah.

Dalam pada itu, Mohd. Shakran berkata, ladang tanaman rumput napier mampu memberi manfaat kepada 35 penternak dengan jumlah lembu sebanyak 4,000 ekor.

Katanya, dengan adanya sumber makanan haiwan dari daerah yang sama, kesemua penternak akan mendapat manfaat daripada sudut kos dan membolehkan jumlah lembu ditambah 10 hingga 20 peratus

pada masa hadapan.

“Mengikut data, kawasan seluas 0.4 hektar mampu menghasilkan 30 tan rumput napier dan boleh memberi hasil dengan produktif selama lebih lima tahun dengan lima hingga enam kali pusingan penanaman.

“Apabila ladang napier ini ada, kita boleh memberi fokus untuk membekalkannya kepada penternak tempatan,” ujarnya.

350 institut kemahiran tenat

GILKSB rayu kerajaan benarkan beroperasi seperti biasa, ambil pelatih baharu

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Seramai 15,000 hingga 20,000 kakitangan termasuk tenaga pengajar di 350 buah Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) kini berhadapan dengan risiko kehilangan pekerjaan ekoran kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Januari lalu.

Turut terkesan ialah 10,000 orang pelatih yang sedang menjalani pelbagai latihan kemahiran di seluruh negara.

Pengerusi Gabungan Institut Latihan Kemahiran Swasta Bumiputera (GILKSB), Nordin Abdul Malek berkata, kesemua ILKS yang berdaftar dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia itu mengalami kerugian besar selepas tidak dibenarkan beroperasi seperti biasa.

Menurutnya, dalam tempoh setahun selepas PKP dikuatkuasakan, sumber pendapatan ILKS jatuh sehingga 80 peratus kerana kerajaan tidak membenarkan kemasukan pelatih baharu.

"Pada masa ini, terdapat lebih kurang 500 ILKS yang berdaftar dengan JPK tetapi dipercayai hanya tinggal 350 buah ILKS yang benar-benar aktif sehingga tahun lalu.

"Namun, akibat pelaksanaan PKP, PKP Bersyarat (PKPB) dan sebagainya, kami dapati 350 buah ILKS ini juga sedang nazak dan berhadapan dengan risiko ditutup dalam masa terdekat jika PKP berterusan untuk satu jangka masa yang panjang lagi.

"Jumlah pelatih yang direkodkan sebelum PKP 1.0 ada-



Pelatih dalam bidang pertanian dan perladangan di Institut Agra Usahawian (IGROW) Kampung Gajah, Perak, menjalani latihan secara praktikal dan bersemuta di Kompleks Dasa Wawasan IGROW sebelum PKP 1.0.

lah seramai 20,000 orang tetapi jumlah itu jatuh mendadak sehingga tinggal 10,000 pelatih sahaja," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Beliau berkata, sistem pembelajaran ILKS berbeza dengan sistem akademik seperti di institusi pengajian tinggi lain kerana ia mengkhusus kepada latihan praktikal dan amali yang perlu bersemuta sekurang-kurangnya 70 peratus dalam keseluruhan modul latihan mahupun pembelajaran.

Jelasnya, walaupun kerajaan membenarkan pembelajaran secara dalam talian dijalankan, pendekatan tersebut hanya merangkumi 20 peratus daripada keseluruhan pembelajaran.

"Kebanyakan pelajar yang cenderung bidang kemahiran atau *hands on* tidak menggemari pembelajaran teori, lebih-lebih lagi secara dalam talian.

"Disebabkan itu, ramai juga pelatih yang berhenti separuh jalan kerana bosan dan tidak dapat menimba kemahiran yang dilaksanakan secara dalam talian ini," katanya.

Nordin merayu kerajaan membenarkan ILKS menjalankan operasi latihan dengan kaedah dan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Antara yang dicadangkan termasuklah membenarkan

latihan dijalankan dengan mengehadkan bilangan pelajar pada satu-satu masa seperti 15 orang bagi setiap kelas.

Katanya, kerajaan perlu membenarkanambilan baharu kemasukan pelatih sepanjang tahun dengan keutamaan diberikan kepada latihan dengan jaminan pekerjaan atau peluang perniagaan.

"Kesemua langkah keselamatan dan kesihatan dicadangkan itu bertepatan dengan amalan pekerjaan industri yang dipatuhi oleh ILKS melalui standard Latihan Kemahiran Kebangsaan (NOSS) seperti mana amalan pekerjaan di industri.

"Oleh itu, secara logiknya, jika industri sudah boleh beroperasi, sepatutnya ILKS juga dibenarkan berbuat sedemikian," katanya.

Dalam pada itu, Nordin berkata, GILKSB juga meminta kerajaan menyediakan insentif khas kecemasan dan bantuan modal kepada ILKS bagi meringankan beban yang sedang ditanggung seperti bantuan upah gaji kepada semua kakitangan mereka untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan bermula Mac depan.

Katanya, kerajaan juga perlu memberi perhatian serius terhadap keperluan ILKS untuk meneruskan operasi sepanjang tempoh PKP kerana peranan mereka sangat penting sebagai pelengkap kepada sistem latihan negara.



NORDIN

'Orang tengah kawal harga

Pekebun dakwa pemborong, penjual kaut untung besar

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Walaupun harga sayur di pasaran dikatakan melonjak tinggi, ia cuma menguntungkan 'orang tengah' dan bukannya pekebun secara keseluruhan.

Beberapa pekebun sayur tanah rendah mendakwa pihak pemborong termasuk penjual adalah golongan yang 'ada kuasa' untuk mengawal harga di pasaran tempatan, terutama di pasar borong.

Pekebun sayur tanah rendah di Hulu Selangor, Ramli Mohd Nasir, berkata harga sayur yang dijual terus kepada pemborong meskipun dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lebih kurang sama pada waktu kebiasaan.

Walhal, katanya, harga sayur yang dijual kepada pemborong jatuh dan bukannya naik mendadak kerana kekurangan permintaan berikutan pelaksanaan PKP ketat sehingga restoran, pasar tani dan pasar malam dihadkan beroperasi.

"Yang naikkan harga bukan di pihak ladang, ini kerja orang tengah seperti pemborong. Mereka yang naik dan kawal harga sehingga dijual kepada pengguna."

"Walaupun harga naik sekalipun, kami kena ikut harga sampai habis tempoh kontrak. Pekebun seperti kami terhimpit, tetapi di sebelah pemborong dan penjual, paling untung."

"Harga sayur tak naik mendadak kalau beli dengan kami, sebaliknya harga jatuh. Contohnya, harga sawi masih dalam lingkungan RM1.30 hingga RM1.40 sekilogram. Kalau jual mahal nanti, mereka akan ambil sedikit," katanya kepada BH, semalam.

Ramli berkata, beliau tidak bersetuju bahawa kekurangan bekalan import adalah punca harga



Sayuran yang dibuang ketika pelaksanaan PKP.

sayur naik di pasaran tempatan.

Sebagai pemain industri, beliau mendakwa punca utama harga sayur naik adalah campur tangan kartel orang tengah dalam sistem rantai bekalan sayur-sayuran negara.

Selain itu, katanya, tiada kawalan yang cekap oleh pihak berkuasa dalam pemantauan jualan termasuk penjualan baja serta bahan pertanian terlalu tinggi punca kenaikan harga sayur.

"Bekalan sayur yang dihasilkan pekebun tempatan ada, malah banyak. Ada ketika tiada permintaan sayur seperti kangkung dan bayam, saya beri percuma atau menyumbangkan sehingga 1.2 tan sayur kepada golongan memerlukan daripada dibuang atau dibiarkan rosak," katanya.

Pekebun sayur tanah rendah di Bukit Beruntung, Roslee Baharudin, pula berkata beliau menjual cili padi dan limau kasturi kepada

pemborong pada harga yang dianggapnya masih murah meskipun sukar menjual hasil pertanian dalam tempoh PKP.

Beliau berkata, harga hasil tani yang dijual kepada pemborong sukar untuk dinaikkan malah mengakui terpaksa menurunkan harga bagi memastikan cili padi dan limau kasturi yang dihasilkan di ladangnya dapat terjual.

"Harga sebenarnya turun tetapi nak naik payah. Pemborong apabila mereka nak berurusan dengan kita, mereka selalu membandingkan harga dengan pekebun lain yang boleh beri harga lagi murah dan sebagainya. Nak tak nak, saya kena jual."

"Saya jual cili padi kepada pemborong pada harga RM6 hingga RM8 sekilogram. Saya lihat ia dijual di pasaran sekarang pada harga antara RM20 hingga RM30 sekilogram."

"Limau kasturi pula saya jual pada harga antara 50 sen hingga

60 sen sekilogram. Kalau harga di pasaran dalam RM1.50 hingga RM3 sekilogram."

"Kita kalah kerana apabila harga hasil tani rendah, kita terpaksa kena jual juga. Ditambah pula memasukkan sayur import, terus 'bunuh' kita," katanya.

Pemilik kebun sayur di Tanjung Malim, Chai Kean Seong, berkata harga sayur yang dijual daripada pekebun kepada pemborong tidak naik mendadak dan sekiranya berlaku kenaikan sekalipun ia tidak ketara, malah dilihat lebih menguntungkan pemborong dan penjual.

"Mana ada harga naik. Mana boleh naik sesuka hati."

"Harga timun pun 40 sen sekilogram, petola RM2 hingga RM2.50 sekilogram dan kacang panjang RM5 sekilogram. Harga waktu PKP pun lebih kurang sahaja (sebelum PKP)."

"Walaupun harga murah, terpaksa jual juga untuk cari makan dan bayar gaji pekerja," katanya.